

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 16 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 33

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L14843
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam memperkukuh integriti dan ketelusan penguatkuasaan undang-undang bagi mengekang penyalahgunaan kuasa dan ketirisan dalam Agensi Penguatkuasaan termasuk PDRM.

2. PN-1543-L14938
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) apakah langkah bagi memastikan Belanjawan 2026 mampu mengimbangi antara pembangunan ekonomi dan tanggungjawab fiskal negara; dan

 - (b) bagaimanakah Kerajaan merancang menangani peningkatan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.

3. PN-1543-L15109
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jaminan Kementerian bahawa pengembalian kalender akedamik tahun 2026 bagi sekolah kebangsaan dan sekolah bantuan Kerajaan kepada bulan Januari 2026 tidak akan mengganggu pengoperasian institusi pendidikan, dan adakah terdapat kajian yang akan dilakukan selepas sesi 2026 untuk menilai keberkesanan perubahan tersebut.

4. PN-1543-L15228
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis panduan operasi (SOP) yang digunakan oleh PDRM dalam menentukan lokasi sekatan jalan raya dan kaedah sekatan memandangkan terdapat aduan awam bahawa sekatan sering dilaksanakan di kawasan kurang strategik seperti selepas plaza tol atau berhampiran hospital dan laluan jentera bomba sehingga menyebabkan kesesakan serius.
5. PN-1543-L15496
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik berkenaan proses pulangan lebihan cukai (refund) oleh pihak LHDN bermula dari tahun 2022 hingga 2025 serta nyatakan jumlah nilai dan bilangan kes tertunggak, serta punca rasmi kelewatan proses tersebut.
6. PN-1543-L15431
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada usaha telah dilakukan untuk menggubal Indeks Pencapaian Perpaduan Negara sebagai kayu ukur pencapaian program-program perpaduan, dan jika ya, apakah aspek-aspek dalam indeks tersebut yang menunjukkan pencapaian positif serta aspek-aspek yang masih memerlukan perhatian lebih.
7. PN-1543-L14796
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini projek Kem Batalion 10 Pasukan Gerak Am (PGA) di Sungai Paoh, Sarikei, serta bilakah projek tersebut dijangka siap sepenuhnya.
8. PN-1543-L15062
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peratusan pemegang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang berjaya memasuki universiti dan berapakah bilangan yang berjaya mendapat kursus pilihan pertama.
9. PN-1543-L14995
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian memperkukuh penyertaan belia Sabah dalam latihan kemahiran, keusahawanan dan kepimpinan di bawah Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030, serta langkah mengurangkan kadar pengangguran belia Sabah yang kini tertinggi di Malaysia.

10. PN-1543-L15030

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah tahap keberkesanan pelaksanaan program kerja dan latihan industri bagi banduan melalui kolaborasi antara Jabatan Penjara Malaysia dengan sektor industri dan swasta, termasuk jumlah syarikat dan entiti industri yang telah mengambil bahagian serta bidang pekerjaan yang disertai oleh banduan sama ada di dalam atau di luar institusi penjara; dan
- (b) kadar peratusan banduan yang berjaya mendapatkan semula pekerjaan dalam sektor berkaitan selepas tempoh pembebasan.

11. PN-1543-L14732

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang konkrit untuk mengatasi masalah pelajar B40 dan pelajar M40 yang tidak mendapat kolej kediaman dan tidak mampu untuk menanggung kos sewaan rumah yang semakin tinggi di luar kampus.

12. PN-1543-L15328

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan akan melonggarkan syarat penyertaan MyKasih supaya lebih banyak kedai runcit tempatan dan peniaga kecil boleh menjadi Rakan Niaga SARA, agar manfaat sampai lebih dekat kepada rakyat; dan
- (b) berapakah jumlah peniaga kecil yang telah diluluskan dan mohon senarai Rakan Niaga SARA di Negeri Sembilan.

13. PN-1543-L15275

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah dan kesiapsiagaan Kerajaan dalam memantau serta mengekang penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan bagi memastikan keselamatan digital dan keharmonian masyarakat.

14. PN-1543-L14700

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dalam konteks pembentukan akhlak dan sahsiah remaja, apakah inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian untuk memperkukuh aktiviti kesukarelawanan, keagamaan dan kepimpinan dalam kalangan belia sebagai alternatif kepada pengaruh negatif dari luar.

15. PN-1543-L15488
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian di bawah Rukun Tetangga dalam mengintegrasikan program Kempen Internet Selamat (KIS) dengan inisiatif keselamatan digital di peringkat komuniti.
16. PN-1543-L15009
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar serta memastikan aksesibiliti digital dan literasi digital yang lebih baik, khususnya di kawasan luar bandar.
17. PN-1543-L14883
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan tindakan Kerajaan terhadap aktiviti pembinaan pulau buatan oleh Vietnam dan China di Laut China Selatan, khususnya di kawasan yang bertindih dengan tuntutan Malaysia.
18. PN-1543-L14904
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membuka hub sukan elektronik di setiap negeri bagi mengasah bakat dan daya saing peminat sukan elektronik ini seterusnya melahirkan bakat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.
19. PN-1543-L15464
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperluas penggunaan teknologi bantu *assistive technology* bagi OKU termasuk alat pintar, aplikasi mudah alih dan inovasi robotik yang menyokong produktiviti serta kehidupan berdikari golongan OKU.
20. PN-1543-L15057
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dividen, cukai pendapatan dan royalti yang Kerajaan terima daripada PETRONAS dan anak-anak syarikatnya sejak ia ditubuhkan pada tahun 1974.

21. PN-1543-L15286

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status dan perkembangan terkini pelaksanaan semula Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta hala tuju baharu program tersebut.

22. PN-1543-L15437

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme yang telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan subsidi bersasar benar-benar tertumpu kepada golongan B40 dan M40 sahaja memandangkan hampir 35 peratus subsidi bahan api masih dinikmati oleh golongan T20.

23. PN-1543-L15159

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap usaha memperkukuh kerjasama ASEAN sebagai rantau yang bersatu dan aman dan apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan ke arah itu.

24. PN-1543-L15520

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah belia Orang Asli yang terlibat dalam program kesukanan atau latihan di bawah Kementerian setakat ini.

25. PN-1543-L15288

Senator Datuk Nelson W Angang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kementerian untuk mengawal dan mengelakkan individu-individu yang menyamar sebagai peguam daripada menyebarkan sentimen yang boleh menghina kewibawaan Mahkamah dan integriti profesion.

26. PN-1543-L15429

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana bentuk kerjasama rentas Kementerian berkaitan dalam mengharamkan permainan digital Roblox susulan insiden seorang adik ditikam oleh abangnya sendiri akibat terlalu pengaruh dengan permainan tersebut.

27. PN-1543-L14753
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil dengan insentif yang diberikan oleh Kementerian dalam usaha memanfaatkan profesor yang mempunyai pelbagai kepakaran, khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi setelah mereka bersara wajib.
28. PN-1543-L14900
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menempatkan guru-guru yang berasal dari negeri Sabah di sekolah-sekolah pedalaman dalam negeri Sabah agar lebih memudahkan pergerakan serta mengatasi masalah guru-guru baharu tidak melaporkan diri atas alasan mendapat sekolah yang jauh di pedalaman negeri Sabah.
29. PN-1543-L15489
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah baharu yang dirancang oleh Kerajaan untuk memperkukuh penguatkuasaan terhadap iklan digital haram dan melindungi pengguna tempatan daripada penipuan dalam talian di platform media sosial.
30. PN-1543-L14742
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme dan langkah tegas Kementerian dalam membanteras sindiket penipuan kerja yang memperdaya rakyat Malaysia ke luar negara, serta usaha menyelamatkan dan melindungi mangsa yang terperangkap di negara rantau ASEAN.
31. PN-1543-L14816
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan kadar peningkatan harga barang asas di kawasan pedalaman Sabah sepanjang tahun 2025.
32. PN-1543-L15048
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan tasik-tasik rekreasi di Wilayah Persekutuan sentiasa bersih, tidak berbau dan selamat digunakan oleh orang awam, termasuk pelan penyelenggaraan bersepadu bersama agensi tempatan, serta penggunaan teknologi rawatan air moden untuk mengawal pencemaran dan pertumbuhan alga.

33. PN-1543-L14824

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan setiap penjimatan subsidi melalui inisiatif BUDI95 diagihkan semula manfaatnya secara penyelarasan yang saksama dalam bentuk bantuan sosial kepada kumpulan B40 dan M40 serta adakah Kerajaan akan meneruskan BUDI95 sekiranya berlaku perubahan mendadak kepada harga minyak petrol dunia.

34. PN-1543-L15402

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan OKU yang berdaftar bagi setiap negeri di Malaysia dan berapakah peruntukan bantuan bulanan yang diberikan kepada kumpulan ini.

35. PN-1543-L15351

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi diplomatik terkini Malaysia dalam memperjuangkan gencatan senjata kekal di Gaza dan memastikan akses bantuan kemanusiaan tanpa halangan ke wilayah berkenaan.

36. PN-1543-L14779

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah komponen utama dalam rangka untuk memperkukuhkan literasi media termasuk mengkaji semula Akta Anti-Berita Tidak Benar, garis panduan etika bagi pengengaruh, serta rangka kerja kecerdasan buatan (AI), dan bagaimanakah pelaksanaan setiap komponen tersebut akan dijalankan .

37. PN-1543-L14714

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kemajuan kewangan dan fizikal projek-projek di bawah Kementerian Pendidikan bagi Daerah Saratok dan Kabong khususnya penambahbaikan sekolah daif setakat November 2025.

38. PN-1543-L14965

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah menyediakan aset pertahanan yang mencukupi dan moden kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi meningkatkan kesiapsiagaan dalam mempertahankan perairan negara secara berkesan, serta status terkini perolehan aset baharu TLDM termasuk projek kapal tempur pesisir (LCS) dan kapal misi pesisir (LMS).

39. PN-1543-L14754

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian bagi menerapkan nilai teras MADANI dalam usaha melahirkan graduan yang berketerampilan dan berwawasan bagi menghadapi cabaran pada masa depan.

40. PN-1543-L14998

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana keberhasilan pelaksanaan inisiatif pendidikan Kerajaan Sabah berjumlah RM77.83 juta yang diagihkan bagi 5,021 pelajar melalui program dermasiswa, bantuan asrama, dan keperluan digital, serta bagaimana Kementerian memantau impak bantuan ini terhadap prestasi akademik dan kadar keciciran pelajar luar bandar.

41. PN-1543-L15166

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah corak penggunaan luar biasa dan ketirisan contohnya di kawasan berhampiran sempadan yang telah dikesan di bawah program BUDI95, dan apakah langkah penguatkuasaan baharu yang akan dilaksanakan Kementerian bagi memastikan subsidi ini hanya dinikmati pihak yang layak.

42. PN-1543-L14922

Senator Puan Tiew Way Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semasa RUU Pendanaan Politik dan bagaimana rangka undang-undang ini memastikan ketelusan dalam pentadbiran negeri, termasuk di Selangor .

43. PN-1543-L14874

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kesahihan dakwaan pengguna bahawa pelaksanaan program BUDI95 memberi kesan terhadap corak penggunaan petrol RON95 yang dilihat lebih cepat habis walaupun selepas pelaksanaan subsidi bersasar dan penurunan harga diumumkan.

44. PN-1543-L15331

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah guru bagi kelas Bahasa Cina (BC) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) mengikut negeri serta apakah langkah mengatasi kekurangan guru di Negeri Sembilan termasuk penggunaan guru bersara sebagai tenaga tambahan; dan

- (b) apakah strategi jangka panjang Kerajaan untuk memastikan setiap SMK yang menawarkan kelas Bahasa Cina mempunyai bilangan guru mencukupi dan tidak bergantung kepada langkah sementara.
45. PN-1543-L14911
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan pelaksanaan skim BUDI MADANI RON95 terhadap rakyat, industri logistik dan e-hailing, serta industri perikanan .
46. PN-1543-L15095
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah dasar Kementerian terhadap penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam sektor awam, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pusat Penyelidikan AI Kebangsaan bagi menyelaraskan inovasi, pembangunan bakat dan keselamatan data.
47. PN-1543-L14970
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat garis panduan yang dibincangkan di peringkat jemaah menteri bagi mengawalselia tingkah laku menteri dan timbalan menteri, agar tindakan dapat diambil sekiranya berlaku pelanggaran atau kelakuan yang dianggap keterlaluan.
48. PN-1543-L14842
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan Dasar Luar Negeri MADANI dalam memperluas hubungan strategik ASEAN+3 ke arah kerjasama ekonomi dan keselamatan serantau.
49. PN-1543-L15243
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian telah melaksanakan sebarang kajian terhadap keberkesanan pelantikan warden daripada bekas tentera dalam membendung buli di asrama, memandangkan pelantikan warden dalam kalangan guru selama ini kurang efektif dalam membendung isu ini selain menambah beban tambahan terhadap tugas hakiki mereka dalam pengajaran.

50. PN-1543-L14863

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung penyebaran pengaruh pemikiran liberal dan songsang yang semakin meluas di media sosial, khususnya di platform Twitter.

51. PN-1543-L15324

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kajian keberkesanan Akademi Kenegaraan Malaysia telah dijalankan dalam konteks meningkatkan semangat patriotisme, perpaduan, dan penghormatan terhadap lunas-lunas kenegaraan, terutamanya Perlembagaan Persekutuan .

52. PN-1543-L14930

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah mengatasi gejala *scammer* sama ada melalui panggilan telefon ataupun melalui media sosial yang semakin meningkat di negara ini justeru mengakibatkan kerugian besar kepada rakyat yang tertipu serta kerugian ratusan juta ringgit kepada negara.

53. PN-1543-L14788

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menambahbaik capaian perkhidmatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di kawasan Sarikei, sama ada melalui pembukaan semula kaunter fizikal, perkhidmatan bergerak, atau kaunter sementara.

54. PN-1543-L15039

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah peruntukan sebanyak RM220 juta kepada MITRA, TEKUN, dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam Belanjawan 2026 akan disalurkan, dan adakah ia akan diagihkan mengikut sektor-sektor berasingan, memandangkan peruntukan ini dijangka menjadi pemangkin utama bagi memperkasa sosioekonomi masyarakat India.

55. PN-1543-L15295

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil untuk mengangkat jurnal-jurnal dalam bahasa Melayu ke tahap jurnal berindeks tinggi yang diiktiraf oleh pangkalan data antarabangsa seperti Scopus, WoS, dan ISI dalam konteks penarafan institusi pengajian tinggi (IPT) di peringkat antarabangsa .

56. PN-1543-L15391

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana subsidi dan bantuan tunai Kerajaan dikaji semula agar lebih tepat mencapai golongan paling terkesan, bukan sekadar memberikan insentif umum yang akhirnya menyumbang kepada defisit fiskal jangka panjang.

57. PN-1543-L15308

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh mana Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan keselamatan siber, termasuk agensi Cybersecurity serta agensi persekutuan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti, dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap jenayah kecurian data peribadi pengguna dan ancaman terhadap sistem perbankan berasaskan internet di Malaysia menjelang tahun 2026 .

58. PN-1543-L14947

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah pendirian terhadap pemegang status pelarian Rohingya yang bekerja tanpa permit sedangkan dalam masa yang sama mereka perlu mendapatkan punca kewangan bagi kelangsungan kehidupan mereka; dan
- (b) berapakah jumlah sebenar pelarian Rohingya ini dan apakah negara ketiga yang berjaya dikenal pasti yang sanggup menerima kumpulan pelarian ini.

59. PN-1543-L15448

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan hak OKU dalam sistem keadilan dan keselamatan terjamin, termasuk akses terhadap bantuan undang-undang, infrastruktur mesra OKU di balai polis serta latihan bagi pegawai dalam menangani kes melibatkan komuniti OKU dengan lebih sensitif dan beretika.

60. PN-1543-L15249

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah tegas yang diambil Kementerian bagi mengekang peningkatan kes kanak-kanak yang terdedah kepada unsur ketagihan, eksploitasi seksual dan tekanan psikologi melalui permainan atas talian seperti Roblox, yang kini menjadi 'taman permainan digital' tanpa kawalan.

61. PN-1543-L15002

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawalselia institusi perbankan yang tidak menurunkan kadar faedah pinjaman walaupun Bank Negara telah mengumumkan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR).

62. PN-1543-L15347

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan reformasi Parlimen dengan memperkenalkan skim penggajian penyelidik bagi Ahli Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara, yang digajikan secara langsung oleh Institut Parlimen Malaysia, sepertimana di Australia dan beberapa negara maju lain.

63. PN-1543-L15052

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan cukai rokok dan vape bermula tahun 2026.

64. PN-1543-L14895

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kadar enrolmen pelajar STEM dan TVET di Sabah masih terendah di Malaysia, apakah usaha Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan fasilitasi TVET di Sabah termasuk penyaluran geran pembangunan infrastruktur, biasiswa latihan industri dan program padanan gaji perantis bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam negara.

65. PN-1543-L15162

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sasaran liputan internet 4G dan 5G di luar bandar Sarawak menjelang tahun 2026 dan mengapa kawasan pedalaman Sarawak seperti di Sungai Asap, Belaga selalu terganggu liputan internet dan langkah untuk mengatasinya supaya tidak selalu berulang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Jabatan Perdana Menteri]

2. (D.R.35/2025) Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]

3. (D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]

4. (D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Jabatan Perdana Menteri]

5. (D.R.32/2025) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]

7. (D.R.39/2025) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
8. (D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perpaduan Negara]**
9. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Komunikasi]**
10. (D.R.42/2025) Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**
11. (D.R.43/2025) Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
D.N.8/2025	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	16 Disember 2025
D.N.9/2025	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	16 Disember 2025